Disahkan oleh:



...........................................................
Mohamad Azrol Mohamad Dali
Timbalan Pengarah
Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)
15/12/2020

**KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI**

**(MITI)**

# GARIS PANDUAN PERMOHONAN

# SIJIL TEMPASAL BERKEUTAMAAN DAN TAK BERKEUTAMAAN

**PENGENALAN**

1. Garis panduan ini bertujuan untuk menerangkan syarat-syarat permohonan dan tatacara yang perlu dipatuhi oleh pengeksport yang memohon untuk pengesahan produk yang berkelayakan mengikut skim GSP, CEPT, MJEPA, MPCEPA, ACFTA, dan AKFTA.

**SYARAT-SYARAT DAN TATACARA PERMOHONAN**

1. Syarikat mestilah berdaftar secara sah dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).
2. Produk yang berkelayakan
   i. Produk untuk dieksport adalah terkandung di dalam senarai produk yang mengikut Negara pengimport berdasarkan skim masing-masing.
   ii. Produk yang dieksport mesti memenuhi syarat 'Rules of Origin' mengikut skim masing-masing.
3.

- Borang BAK 1(a): Maklumat Pengeksport/Pengilang dan Produk
- Borang BAK 1(b): Analisis Kos Produk
- Borang BAK 1(c): *'Letter of Indemnity*'
- Sesalin dokumen-dokumen berikut :
  - Sijil Pendaftaran Syarikat.
  - Invois pembelian bahan mentah.
  - Sampel/gambar/katalog produk.
  - Carta aliran kerja pemprosesan.

- Laman Portal MITI
- Kaunter Perkhidmatan (Aras Bawah), Ibu Pejabat MITI Kuala Lumpur.
- Pejabat Cawangan MITI di seluruh negara.

**KUASA MELULUS**

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

**ALIRAN KERJA**

1. Terima permohonan
2. Semak kesahihan dokumen yang dikemukakan.Tentukan produk yang tersenarai di dalam senarai negara-negara pengimport mengikut skim masing-masing.
3. Mengenalpasti analisis kos produk untuk menentukan pematuhan bahan tempatan yang digunakan.
4. Meluluskan/menolak permohonan .
5. Memaklumkan keputusan kepada pemohon.

**PIAGAM PELANGGAN**

Surat makluman akan dihantar kepada pemohon/syarikat dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja bermula dari tarikh borang permohonan yang lengkap.



**<u>Kelulusan Sijil Tempasal Berkeutamaan (Borang A/ Borang D/ Borang E/ Borang MJEPA/ Borang MPCEPA/ Borang AK)</u>**

**PENGENALAN**

1. Tujuan garis panduan ini adalah bertujuan untuk menerangkan syarat-syarat permohonan dan tatacara yang perlu dipatuhi oleh pengeksport yang memohon untuk pengesahan produk yang berkelayakan mengikut skim GSP, CEPT, MJEPA, MPCEPA, ACFTA, dan AKFTA masing-masing .

**SYARAT-SYARAT DAN TATACARA PERMOHONAN**

1. Syarikat yang berkelayakan untuk memohon Sijil Tempasal Berkeutamaan perlu mendapatkan kelulusan daripada MITI berkaitan produk yang memenuhi syarat mengikut skim masing-masing.
2. Tatacara permohonan

i. Setiap borang mesti diisi lengkap untuk setiap 'consignment of export'..

ii. Borang yang lengkap mesti dikemukan dengan:

- Surat kelulusan MITI.
- *Sales Invoice* (nilai yang sama seperti di Borang D).
- Borang Akuan Kastam (Borang K2).

 Borang Permohonan Sijil Tempasal Berkeutamaan boleh didapati daripada:

Federation of Malaysian Manufacturers (FMM)
Wisma FMM
No. 3, Persiaran Dagang
PJU 9, Bandar Sri Damansara
52200, Kuala Lumpur

Tel.: 03-6276 1211

Faks: 03-6341 1266

- Borang permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada:

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)
Seksyen Kerjasama Perdagangan dan Penyelarasan Industri
Aras Bawah, (Kauanter Perkhidmatan), Blok 10
Kompleks Pejabat Kerajaan, Jalan Duta
50622 Kuala Lumpur

Tel.: 03-6203 3022
Fax: 03-6201 3351

atau Pejabat Cawangan MITI di seluruh negara.

**KUASA MELULUS**

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

**PROSES KERJA**

1. Terima permohonan.
2. Semak kesahihan dokumen yang dikemukakan. tentukan produk yang tersenarai di dalam senarai negara-negara pengimport mengikut skim masing-masing.
3. Mengenalpasti butir-butir produk, kod HS/AHTN, nilai FOB dan destinasi eksport.
4. Meluluskan/menolak permohonan .

**PIAGAM PELANGGAN**

Surat makluman akan dihantar kepada pemohon/syarikat dalam tempoh tujuh (2) hari bekerja bermula dari tarikh borang permohonan yang lengkap.


1
Terima permohonan
Dikembalikan
Permohonan
Tidak Lengkap
2
Menyemak
Borang Permohonan
Borang Permohonan
Lengkap
3
Menyemak dokumen,
analisa kos dan kelayakan
Layak
Tidak Layak
4
Membuat keputusam
5
Memaklumkan keputusan